

**SIMPTOM-SIMPTOM PENYAKIT DALAM MAIN TERI:
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG PASIR MAS, KELANTAN**
***SYMPTOMS OF DISEASE IN MAIN TERI:
A CASE STUDY IN KAMPUNG PASIR MAS, KELANTAN***

AZLINA MUSA
YUSMILAYATI YUNOS

ABSTRAK

Main teri adalah salah satu cara perubatan tradisional yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya di Kelantan sejak zaman dahulu sehingga kini. Ia berfungsi sebagai ikhtiar rawatan terhadap penyakit jasmani dan juga rohani yang dihadapi oleh tubuh badan manusia. Umumnya cara perubatan main teri dilakukan di ruang yang terbuka dan dipersembahkan di hadapan khalayak ramai. Oleh itu, kajian ini menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah perpustakaan dan pemerhatian ikut serta. Jika diperhatikan, persembahan main teri melibatkan penggunaan alat-alat muzik tradisional. Cara perubatan main teri pula melibatkan hubungan komunikasi dua hala antara alam nyata (tok teri, tok minduk dan pesakit) dan alam ghaib (jin, roh-roh, malaikat, iblis, syaitan). Sehubungan itu, untuk mengetahui punca-punca penyakit yang dihadapi oleh pesakit, pelbagai cara digunakan oleh tok teri untuk melihat simptom penyakit seperti melalui mantera memujuk kuasa spiritual (jin, syaitan dan iblis) yang dikatakan menjadi punca seseorang itu jatuh sakit. Justeru itu, artikel ini membincangkan beberapa cara untuk mengenal simptom penyakit dalam persembahan main teri.

Kata kunci: Simptom penyakit, main teri, mantera, tok peteri, kuasa spiritual

ABSTRACT

Main Teri is one of the traditional medicine that is still practiced by the Malay community, especially in the state since ancient times until now. It serves as a contrivance treatment of physical and spiritual disease that affects the human body. Generally, how do medical play main teri in the open space and presented in public. Therefore, this study uses two methods: the method libraries method and participating observation. If observed, main teri presentation involving the use of traditional musical instruments. How to play main teri medicine involves two-way communication link between the real world (tok peteri, tok minduk and patients) and the underworld (genies, spirits, angels, demons, the devil). Accordingly, to determine the causes of the diseases that the patient, various methods are used by tok peteri to see symptoms such as through the persuasive power of mantras, spiritual (jinns, Satan and demons) are said to be the cause of a person is sick. Therefore, this article discusses some ways to recognize symptoms of disease in the main presentation main teri.

Key words: Symptoms, main teri, spells, tok peteri, spiritual power

Pengenalan

Negeri Kelantan adalah salah sebuah negeri Melayu yang kaya dengan khazanah warisan budaya dan juga adat resam budaya zaman berzaman, kesenian dan warisan seperti main teri, wayang kulit, menora, dikir barat, makyung, bageh disamping permainan tradisi rakyat Kelantan seperti gasing, wau dan banyak lagi. Lantaran, dalam masyarakat Melayu tradisional, kedudukan dukun, bomoh dan juga pawang adalah penting. Mereka adalah dianggap sebagai doktor dalam masyarakat berkenaan dan sehingga ke hari ini, masih ramai orang terutama yang tinggal di pedalaman Kelantan yang masih lagi

mengamalkan perubatan tradisional ini.

Main teri adalah perubatan orang tua dulu-dulu yang wujud berabad lama sebelum kedatangan Islam. Pengaruh animisme seterusnya, pertembungan Hindu, Buddha yang telah mendahului kedatangan agama Islam yang unsur-unsur ini telah diserap ke dalam sistem kepercayaan orang Melayu. Main teri adalah popular di negeri Kelantan. Main teri juga memainkan dua fungsi dalam satu masa iaitu sejenis permainan tradisi yang berbentuk hiburan dan pada masa yang sama juga adalah untuk perubatan bagi menyembuhkan penyakit-penyakit yang tidak dapat di kesani melalui cara perubatan moden. Cara perubatan main teri adalah dilakukan di ruang tempat yang terbuka yang boleh disaksikan cara perubatan itu yang dipersembahkan dihadapan khalayak ramai. Main teri adalah melibatkan penggunaan alat-alat muzik tradisional seperti gendang ibu, gendang anak, kersi, gong ibu, gong anak, rebab dan serunai. Cara perubatan main teri, melibatkan hubungan komunikasi dua hala antara alam nyata (tok teri, tok minduk dan pesakit) dan alam ghaib (jin, roh-roh, malaikat, iblis, syaitan).

Simptom-Simptom Penyakit

Hidup manusia adalah penuh dengan berbagai cabaran. Salah satu daripada cabaran yang sering kali melanda manusia dari zaman dahulu sehinggalah kini adalah penyakit. Lahirnya sahaja manusia ke dunia ini dan sehinggalah manusia itu mati adalah tidak sunyi manusia daripada serangan dan juga jangkitan penyakit yang terdiri daripada berbagai jenis penyakit yang dihadapi pada tubuh badan manusia.

Terdapat dua jenis penyakit yang terpaksa dihadapi oleh manusia iaitu penyakit jasmani dan juga penyakit rohani (dalaman). Penyakit jasmani adalah merangkumi segala jenis penyakit luaran atau pun penyakit yang boleh dirasai sakit pada tubuh badan manusia. Antara jenis-jenis penyakit luaran itu adalah merangkumi penyakit

demam, strok, campak, kepialu, penyakit karang dan juga penyakit kulit. Penyakit-penyakit luaran ini adalah jelas dirasai dan juga dilihat melalui pancaindera manusia. Misalnya, penyakit demam boleh mengakibatkan tubuh badan manusia itu akan mengalami suhu badan yang melebihi suhu badan normal bagi tubuh badan manusia. Terdapat juga tanda-tanda demam seperti batuk-batuk dan juga tubuh badan menjadi letih serta lesu kerana demam. Seterusnya ialah penyakit rohani(dalaman) adalah merangkumi penyakit dalaman manusia yang tidak boleh dilihat dengan pancaindera manusia tetapi manusia hanya boleh merasai penyakit yang dihadapi. Antara penyakit dalaman yang memerlukan perubatan main teri ialah penyakit angin, penyakit terkena buatan orang(manusia). Penyakit-penyakit yang dihadapi oleh tubuh badan manusia adalah memerlukan pengubatan main teri bagi memulihkan penyakit tersebut. Salah satu perubatan tersebut sebagai penyembuh penyakit ialah main puteri atau orang Kelantan sebut sebagai “main teri”. Lazimnya juga, penyakit-penyakit yang memerlukan perubatan main teri adalah penyakit yang tidak dapat dikesan dan juga diubati oleh doktor perubatan moden seperti penyakit gila, terkena buatan orang dan juga penyakit angin, penyakit gangguan makhluk halus.

Gambar1.1 Upacara bacaan jampi mantera dalam buka panggung



(Sumber:kajian lapangan).

Sesuatu jenis penyakit yang dihadapi oleh manusia adalah memerlukan perubatan main teri yang dilakukan dengan cara perantaraan antara tok teri dengan tok minduk dengan pesakit melalui upacara persembahan pada tempat terbuka yang menggunakan kuasa ghaib sebagai membantu mengubati penyakit yang dihadapi pada tubuh badan pesakit selain meminta bantuan daripada Allah s.w.t. Cara perubatan main teri adalah melibatkan perantaraan dua alam iaitu alam nyata dengan alam ghaib yang cara perubatannya adalah memerlukan bantuan daripada jin dan dewa-dewa kayangan. Persembahan main teri adalah diadakan untuk mengetahui punca-punca penyakit dan berusaha untuk menyembuhkan penyakit dengan cara memujuk kuasa-kuasa luar yang dikatakan menyebabkan seseorang itu menjadi sakit.

Gambar1.2 Tok teri merawat tubuh badan pesakit



(Sumber:kajian lapangan).

Menurut Mohd Azman bin Haron yang menjelaskan, main teri adalah salah satu cara perubatan lama yang diakui akan keberkesanannya yang mampu memulihkan beberapa penyakit

terutama penyakit gangguan makhluk halus yang tidak diinginkan seperti jin, hantu, mambang yang sering kali mengganggu pesakit sehingga si pesakit menjadi lemah. Gangguan makhluk halus yang mengganggu tubuh badan pesakit sehingga menjadi lemah apabila si pesakit mengunjungi tempat yang ada penunggu makhluk halus tadi atau orang Kelantan sebut “tempat keras”. Tempat keras merujuk kepada persekitaraan yang berlegar dalam kehidupan manusia ini sendiri yang sememangnya dipercayai ada penunggu yang menjaga tempat berkenaan. Cuma penunggu tempat keras itu adalah tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Orang Melayu percaya bahawa dalam hutan tebal, dalam laut ada penunggu. Penunggu adalah merujuk kepada makhluk halus iaitu jin, hantu, mambang yang sifatnya adalah agresif dan amat ditakuti oleh manusia. Apabila manusia masuk ke dalam hutan tebal tanpa meminta izin penunggu atau manusia merosakkan kediaman penunggu maka penunggu tadi akan mengganggu manusia kerana marah apabila manusia mengganggu kediaman mereka. Makhluk halus ini akan bertindak agresif dengan cara merasuk ke dalam tubuh badan pesakit sehingga pesakit jatuh sakit akibat gangguan makhluk halus. Lantaran itu, orang Melayu Kelantan percaya bahawa, penyakit yang disebabkan gangguan makhluk halus hanya dapat diubati dengan cara main teri. Ini kerana, main teri adalah melibatkan hubungan dua alam antara alam nyata dengan alam ghaib. Cara perubatan main teri membabitkan tok teri bersama tok minduk adalah mampu berkomunikasi dua hala dengan makhluk ghaib yang merasuk ke dalam tubuh badan pesakit. Orang yang mengalami resapan makhluk ghaib dikenali sebagai upacara “menurun”. Upacara menurun mempunyai peraturan yang tertentu yang dimulai dengan acara memanggil semangat atau roh yang dilakukan dengan sempurna dengan aturannya barulah upacara perubatan dilakukan. Sesudah itu barulah selesai upacara menurun adalah diakhiri dengan upacara menjamu iaitu memberi makan kepada makhluk ghaib. Melalui cara berjamu makanan dalam main teri kepada makhluk halus dengan

cara memujuk makhluk halus agar tidak mengganggu pesakit dan pulang ke tempat asal. Sesungguhnya, penyakit yang berpunca daripada gangguan makhluk halus adalah memerlukan penawar yang menggunakan makhluk halus juga dan salah satu cara memujuk makhluk halus adalah melalui main teri (Sumber:kajian lapangan).

Main peteri boleh dikatakan sebuah medico-theatrical-ritual atau pun persembahan ibarat sebuah drama yang berhubung kait dengan tujuan perubatan untuk mengubat kekusutan jiwa atau pun penyakit psikosomatik. Persembahan main peteri ini adalah berasal dari istana dan dibawah naungan raja. Selepas itu barulah tersebar dikalangan rakyat jelata bagi tujuan mengubati orang yang sakit yang berkaitan dengan jiwa, angin dan juga semangat (Maniyamin Ibrahim 2009:236).

Gambar1.3 Upacara berjamu atau beri makan kepada makhluk halus (jin, syaitan, hantu) dalam main teri



(Sumber:kajian lapangan).

Menurut Mohd Azman Haron, penyakit angin juga memerlukan cara perubatan main teri. Penyakit angin adalah sejenis penyakit yang anginnya selalu dihalang atau orang Kelantan sebut “angin sekat”. Apabila anginnya selalu mendapat halangan daripada orang lain maka, ia akan jatuh sakit. Penyakit angin biasanya, sejenis penyakit yang dihadapi oleh orang yang sudah lanjut usianya. Contohnya, penyakit yang dikatakan berpunca daripada penyakit angin ialah apabila kemahuan pesakit itu tidak dapat di penuhi permintaan menyebabkan angin dalam tubuh badan pesakit akan jadi beku atau orang Kelantan sebut “pelepas angin” yang merujuk kepada main teri sebagai salah satu cara untuk “pelepas angin” dalam tubuh yang selama ini terpendam dalam tubuh badan manusia. Tanpa kita tidak sedari dalam tubuh badan manusia sebenarnya terdapat pelbagai jenis angin. Antara nama-nama angin yang terdapat dalam tubuh badan manusia ialah angin bidan, angin naga, angin mambang, angin jembalang, angin isin, angin hala, angin puteri empat puluh dan juga angin dewa muda. Setiap manusia yang lahir di muka bumi mempunyai angin dan penyakit angin ini adalah sejenis penyakit yang turun temurun daripada nenek moyang sehingga berjangkit pula penyakit angin ini kepada anak cucu. Penyakit angin adalah sejenis penyakit pusaka dari keturunan nenek moyang. Misalnya, jikalau kita adalah dari titisan atau keturunan atuk nenek yang keturunan raja maka, kita akan mewarisi angin dewa muda. Penyakit angin ini hanya dapat diubati dengan main teri. Sesungguhnya, main teri adalah melibatkan gabungan beberapa jenis alat-alat muzik tradisional, adanya tarian dan nyanyian mengikut rentak angin pesakit atau orang Kelantan sebut “main teri adalah untuk pelepas angin”.

Pada zaman dahulu, apabila seseorang itu, ditimpa jatuh sakit iaitu merasa diri lemah atau orang Kelantan sebut “tak gagoh” kerana masalah angin dalam tubuh yang jadi “tidak stabil” atau orang Kelantan sebut “sekat angin”. Lantaran, mereka akan main teri untuk pelepas angin. Ini adalah kerana, pada zaman dahulu tidak ada bentuk hiburan

lain untuk pelepas angin dan salah satu bentuk hiburan untuk “pelepas angin” adalah main teri. Bagi golongan raja biasanya, mempunyai angin dewa muda dan juga angin puteri empat puluh yang dikaitkan dengan angin dewa-dewa kayangan. Bagi golongan rakyat biasa pula adalah mempunyai angin bidan, angin naga, angin jembalang dan juga angin hala yang angin ini adalah dikaitkan dengan angin jin, hantu, jembalang. Penyakit angin adalah penyakit yang disebabkan angin dalam tubuh badan “sekat” atau saluran angin sumbat dan cara untuk “pelepas angin” adalah main teri. Sekiranya, pesakit angin menari atau orang Kelantan sebut angin “joget” maka pesakit tanpa rasa segan silu akan “joget” mengikut alunan muzik yang dimainkan dalam main teri kerana dirasuk oleh penyakit angin tadi iaitu, syaitan, jin yang merasuk dalam tubuh pesakit. Pesakit yang semangat lemah akan mampu membina semula kekuatan semangat yang lemah itu melalui pelepas angin dalam main teri. Main teri mampu memulihkan semula penyakit “angin hok tohor” pesakit kerana apabila alat-alat muzik tradisional di palu dan di mainkan ia mampu membangkitkan semula semangat “angin hok tohor” tadi. Alunan alat-alat muzik tradisional dengan paluan gong, gendang mampu mengatasi unsur fizikal manusia. Ini adalah kerana, ada orang tua apabila mendengar sahaja paluan gong dan gendang di mainkan dalam suatu upacara ia akan terus bangkit joget sebab dalam tubuh orang tua itu ada angin joget. Ia berlaku kerana wujudnya situasi “lupa” bukan nyanyuk tapi pesakit berada dalam keadaan tidak sedar diri yang secara spontan bangkit bangun untuk pelepas angin mengikut angin dalam tubuhnya iaitu ada angin silat, ada angin joget. Sekiranya, angin silat maka, pesakit akan bersilat. Pelepas angin akan di mainkan dalam main teri mengikut kehendak pesakit sehinggalah pesakit mengaku sendiri untuk menghentikan main teri tersebut (Sumber:kajian lapangan).

Gambar 1.4 Situasi lupa yang dialami oleh tok teri



(Sumber:kajian lapangan).

Tok peteri ialah seorang tukang ubat tradisional yang mengubati pesakit dengan cara main peteri. Manusia adalah mungkin megidap satu atau pun lebih daripada empat penyakit iaitu kurang air, kurang angin, kurang darah dan juga bengkak daging. Seorang Tok Peteri tidak boleh mengubati semua penyakit. Ini adalah kerana, beliau hanya boleh mengubati penyakit kurang angin melalui cara main teri. Angin dalam konteks main peteri adalah bermaksud semangat. Jadi Tok Peteri adalah berperanan memulihkan semangat pesakit. Peranan Tok Peteri adalah menyamai pakar psikologi atau pun doktor pakar sakit jiwa namun begitu, terdapat perbezaan antara perubatan main teri dengan doktor(Zakaria Abdullah dan Ahmad Buyong, 1990:37).

Selain masyarakat Melayu, masyarakat-masyarakat lain seperti masyarakat Cina, Siam dan orang Asli juga menggunakan bacaan jampi untuk penyembuhan penyakit yang didakwa sebagai kuasa ghaib yang dikenali sihir. Penyembuhan penyakit yang melalui cara perubatan tradisional adalah menggunakan kekuatan semangat bagi mengubah perasaan melalui mengubah perjalanan darah orang yang sakit dan akhirnya penyakit itu sembuh. Sembuhnya penyakit itu ialah kerana, perubahan darah orang yang sakit yang akhirnya

penyakit itu sembuh. Sembuhnya penyakit itu kerana perubahan darah perjalanan darah oleh pengaruh perasaan dan ingatan (Abdul Baser Mohammed, 1999:58). Perubatan tradisional ini adalah memerlukan keserasian antara tok teri dengan pesakit. Sembuhnya sesuatu penyakit juga dikaitkan dengan serasi atau sesuai dengan diri pesakit atau pun tidak. Ini adalah kerana, mereka mempercayai bahawa daya semangat dan juga perasaan antara pesakit dengan bomoh adalah selari atau pun serupa atau pun seimbang yang membolehkan penyakit tersebut dikenal pasti seterusnya adalah terus diubati. Sembuhnya sesuatu penyakit yang dihadapi bukanlah kerana kuasa jampi tetapi Allah s.w.t yang menyembuhkannya. Petikan ayat dalam surah al-Syuara “dan apabila sakit, maka Dialah (Allah) yang menyembuhkannya”. Perubatan tradisional yang menggunakan bantuan makhluk ghaib adalah hukumnya haram. Pengharaman ini kerana makhluk ghaib adalah musuh Allah s.w.t yang nyata. Petikan surah al-Baqarah:168 menjelaskan “..dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan tu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu”.

Menurut Azman Mohd Haron, sakit demam teruk juga adalah memerlukan perubatan main teri. Pada zaman dahulu, manusia tidak mempunyai hospital seperti pada masa sekarang. Hal ini menyebabkan apabila manusia menghadapi sakit demam teruk akan terus merujuk kepada tok teri yang perannya adalah sama dengan doktor pada masa sekarang. Bezanya ialah, main teri melibatkan cara perubatan tradisi yang menggunakan bahan-bahan mentah yang diperolehi daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan seperti ayam mentah, telur mentah untuk menjamu kepada hantu, jin sebagai penawar untuk mengubat pesakit. Namun, doktor pada masa kini mengubat pesakit dengan bahan-bahan sintetik (kimia). Pada masa kini khususnya di Kelantan, apabila masyarakat mengalami sakit demam yang teruk akan main teri. Lantaran, sekiranya manusia itu di timpa sakit demam seperti demam yang teruk sehingga terlantar di katil adalah memerlukan

cara perubatan main teri. Main teri mampu menyembuhkan penyakit demam teruk tersebut. Penyakit demam teruk juga adalah mungkin kerana, gangguan makhluk halus yang merasuk tubuh badan pesakit sehingga pesakit mengalami sakit demam yang teruk dan memerlukan cara perubatan main teri. Lantaran, main teri masih mendapat sambutan di kalangan masyarakat dari dulu sehinggalah kini. Penyakit tulang patah memerlukan perubatan main teri. Ini kerana, main teri adalah merujuk kepada pateri iaitu boleh menyambung semula tulang patah melalui cara main teri. Hal ini menyebabkan ia diberi nama sebagai main teri yang merujuk kepada pateri atau orang Kelantan sebut “teri” dan main pula merujuk kepada suatu bentuk “hiburan” untuk tujuan perubatan maka lahirlah nama main teri kerana peranan utamanya ialah untuk memulihkan penyakit pada pesakit. Penyakit strok juga mendapat cara perubatan main teri. Menurut Azman Mohd Haron, penyakit strok adalah sejenis penyakit yang boleh mengakibatkan sebahagian daripada anggota tubuh badan manusia menjadi lemah sehingga manusia tidak mampu untuk menjalankan pekerjaan sehari-hari. Penyakit strok adalah sejenis penyakit yang boleh mengakibatkan seseorang yang sakit teruk akan mengakibatkan keseluruhan bahagian pada anggota tubuh badan akan menjadi beku sehingga menyebabkan terlantar baring sakit. Penyakit strok adalah dikatakan mampu disembuhkan penyakit dengan cara perubatan main teri. Ini adalah kerana, pesakit yang mengalami sakit strok apabila main teri di mainkan, ia mampu bangkit daripada sakitnya seperti biasa. Ini merupakan sesuatu yang tidak menghairankan apabila pesakit yang baring terlantar dikatil beberapa bulan mampu bangkit semula menjalani kehidupan seperti biasa(Sumber:kajian lapangan). Sikap terlupa untuk membalas budi dalam usianya yang tua akan mendapat balasan daripada kuasa ghaib sehingga menjadi sakit, lumpuh dan tidak boleh bangun. Walaupun, fungsi ritual main puteri adalah sesuatu yang serius, yakni untuk mengubat orang yang baru sakit atau pun sudah lama sakit dan tenat, masih terdapat didalam

permainan ini unsur-unsur humor, jenaka dan isu semasa yang diselit dan diucapkan semasa permainan (Solehah Ishak, 2010: 111).

Pandangan Islam sendiri juga turut menggalakkan manusia untuk berubat dan juga mengubat apabila dijangkiti oleh sesuatu jenis penyakit sama ada penyakit dalaman atau pun penyakit luaran. Terdapat juga, sebahagian manusia yang ditimpa penyakit namun, ia tidak mahu berubat dan menyerah sesuatu yang telah menimpa dirinya adalah sebagai suatu ketentuan Allah s.w.t. Islam juga turut menggalakkan manusia untuk berubat sebagai salah satu ikhtiar bagi manusia mencari jalan untuk menyembuhkan penyakitnya. Namun, penyembuhan penyakit ini adalah mesti berlandaskan Islam. Ini adalah kerana, sesuatu jenis penyakit pasti ada penawarnya dan penawar itu adalah perlu dicari oleh manusia.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Ogos 1996 telah membincangkan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa amalan penggunaan azimat atau tangkal sebagai pelindung diri seperti ilmu kebal, ilmu pengasih, ilmu pelemah hati, ilmu penjauh jin dan sebagainya yang dicampuradukkan dengan sihir adalah syirik dan menyeleweng dari ajaran Islam.

Jampi ialah menyebut dengan suara yang deras (nyaring) dengan kata-kata tertentu bagi niat mencerca bagi menghalau hantu syaitan atau pun dengan niat untuk menawarkan penyakit rohani. Mengikut Kamus Dewan, jampi ialah mantera yang dibaca untuk memberikan kesaktian kepada ubat dan lain-lain (1996:200). Ia biasanya adalah digunakan oleh bomoh atau pun pawang yang penyebutannya boleh menimbulkan kuasa ghaib. Menurut Umar Hashim yang memperihalkan bahawa, jampi mantera itu ialah sesuatu lafaz tertentu yang dibaca oleh seseorang dalam rangka penyembahan kepada sesuatu yang tertentu atau dalam rangka magis (Abdul Basir bin Haji Mohamad, 1999: 55). Lantaran itu, sesuatu sebutan

yang dibaca oleh bomoh atau pawang adalah sesuatu yang pasti dan tidak boleh diubah. Banyak sebutan yang dibaca untuk perubatan adalah tidak boleh difahami akan maksud ayat-ayat yang dibacakan tersebut. Apabila dinilai berdasarkan Islam, banyak kata-kata yang dibacakan iaitu dari segi bahasa yang digunakan atau pun dari segi mempercayai akan kekuatan jampi itu sendiri adalah berbau syirik atau pun sememangnya kata-kata itu adalah syirik kepada Allah s.w.t. Syirik dalam perubatan merujuk kepada menyekutukan Allah s.w.t. Ini adalah kerana, kita memohon sesuatu tujuan daripada jin, malaikat yang sudah tentu adalah bertentangan dengan Islam. Selain itu juga, didapati dalam bacaan jampi mantera adalah menyebut nama-nama Allah s.w.t, Muhammad s.a.w dan perkara-perkara sebegini adalah dilarang dalam Islam kerana seolah-olah ia mempermainkan nama-nama tersebut.

Lantaran itu juga, pada pandangan Islam sekiranya bacaan jampi dalam main teri adalah menunjukkan kepada menyekutukan Allah s.w.t dan mempercayai akan kekuasaan jampi inilah yang akan menyembuhkan penyakit maka, bentuk jampi seperti ini adalah diharamkan dalam Islam. Tetapi sekiranya, ia tidak pula menunjukkan ciri-ciri yang sedemikian maka, jampi itu adalah dikatakan sebagai doa dan ia adalah dibenarkan untuk mempratikkannya. Jampi mantera yang ditegah adalah terdiri daripada penggunaan kata-kata yang tidak boleh difahami akan maksudnya. Ini adalah kerana, ia adalah ditakuti boleh mengandungi unsur-unsur sihir dan juga kufur. Meskipun, jika ia adalah difahami akan maknanya yang merupakan ayat-ayat Allah s.w.t maka, ia adalah disunatkan.

Agama Islam juga sentiasa mengingatkan manusia agar sentiasa menjaga kebersihan rohani dan juga jasmani. Kebersihan rohani adalah merangkumi menjauhkan diri daripada melakukan segala dosa dan maksiat serta melakukan segala kebajikan yang disuruh oleh Allah s.w.t. Manakala kebersihan jasmani pula adalah merangkumi kebersihan menjaga pakaian, diri, tempat tinggal dan juga

persekitaran. Ini adalah kerana, kedua-dua penyakit yang dihadapi oleh manusia adalah berpunca daripada kedua-dua punca tersebut (1999:39). Disamping itu juga, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menyuruh umat manusia agar berubat dan mengubat apabila diri dijangkiti oleh penyakit yang berlandaskan kepada berubat dalam Islam. Ini adalah kerana, dalam surah al-Isra' ayat:82 ada menyebut bahawa “dan kami turunkan dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman...”. Sesungguhnya juga, sesuatu penyakit yang telah menimpa manusia adalah hakikatnya datang daripada Allah s.w.t. Maka, setiap sesuatu jenis penyakit tersebut adalah Allah s.w.t yang akan menurunkan segala ubat segala jenis penyakit. Apabila, ubat itu adalah sesuai dengan segala jenis penyakit yang dijangkiti, maka Allah s.w.t akan menyembuhkannya. Sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan daripada Abu al-Darda' r.a telah berkata bahawa “sesungguhnya Allah s.w.t menurunkan penyakit dan juga ubat, dan menjadikan bagi kamu tiap-tiap penyakit itu ada ubatnya, maka berubatlah dan janganlah kamu berubat dengan sesuatu yang haram”.

Maka, setiap sesuatu penyakit adalah berpunca daripada Allah s.w.t, maka segala penentuan penyakit dan juga ubatnya adalah daripada Allah s.w.t. Manusia perlu mempercayai bahawa jika Allah s.w.t yang mendatangkan penyakit, maka Allah s.w.t jugalah yang akan menyembuhkan penyakit itu. Perkara-perkara ini juga adalah menjadi sebab dan musabab sahaja sebagai penyakit yang datang itu adalah suatu rahmat, ujian atau cabaran hidup daripada Allah s.w.t kepada umatnya. Ini adalah kerana Allah s.w.t mahu manusia berusaha dan juga berikhtiar mencari doktor atau pun ubat meski pun yang menyembuhkan penyakit tersebut adalah Allah s.w.t. Petikan daripada surah al-Qasas ayat 68 yang menyatakan bahawa “dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangkan berlakunya dan Dia yang memilih(apa yang Dia suka) dan tidak ada pilihan untuk mereka...”. Prinsip ini adalah ternyata akan menghilangkan perasaan

takabbur di hati para doktor yang telah dapat memberikan rawatan untuk menyembuhkan sesuatu penyakit. Ia juga akan sentiasa ingat bahawa yang menyembuhkan penyakit adalah sebenarnya ialah Allah s.w.t dan bukannya doktor mahu pun bomoh atau pun pawang. Selain itu juga, prinsip ini juga adalah bagi menghilangkan segala perasaan putus asa pesakit dan doktor sekiranya seseorang pesakit itu adalah belum sembuh. Ini adalah kerana, masing-masing juga adalah berkeyakinan bahawa Allah s.w.t yang boleh menyembuhkan apa-apa jua jenis penyakit yang dihadapi oleh manusia pada bila-bila masa. Lantaran itu juga, ilmu perubatan dalam Islam adalah mempunyai prinsip-prinsipnya yang tersendiri yang perlu dituruti oleh setiap doktor mukmim dan juga mukminah.

Kesimpulan

Main teri adalah salah satu cara perubatan tradisional yang merupakan ikhtiar manusia dalam menyembuhkan penyakit yang tidak mampu dikesani melalui cara perubatan moden. Main teri masih lagi menjadi amalan masyarakat Melayu terutama masyarakat pedalaman yang merupakan ikhtiar dalam menyembuhkan penyakit yang dikatakan penyakit berpunca daripada gangguan makhluk halus.

Rujukan

- Abdul Basir Mohammed. 1999. *Amalan Sihir dan Ayat-Ayat Al-Quran Perbezaannya Serta Kesannya Terhadap Amalan Perubatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- [Http:www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam).
- Khoo Kay Kim. 1982. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kuala Lumpur: United Press Sdn. Bhd.

- Maniyamin Ibrahim. 2009. *Konteks Sastera dan Budaya Melayu*.
Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Omar Farouk Bajunid. 1989. *Esei-Esei Budaya dan Sejarah Kelantan*.
Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zakaria bin Abdullah dan Ahmad Buyong. 1990. *Kebudayaan Rakyat
Di Malaysia*. Selangor: PAM Publishing(M) Sdn. Bhd.

KAJIAN LAPANGAN

- (1) Nama : Mohd Azman bin Haron
Umur : 60 tahun
Pekerjaan : Tok teri
- (2) Nama : Abdullah bin Yaakub
Umur : 72 tahun
Pekerjaan : bersara